

10/03/1999

Cyberjaya warnai kehidupan masa depan

CYBERJAYA, Selasa - Bandar raya pintar, Cyberjaya, yang akan mewarnai kehidupan masa depan masyarakat, hari ini dikunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Ketibaan baginda berdua di ibu pejabat Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), disambut Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah; Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Nuraizah Abdul Hamid serta pegawai kanan MDC.

Baginda berdua kemudian diberi taklimat ringkas oleh Dr Othman mengenai kemajuan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang membabitkan kawasan seluas 750 kilometer persegi.

MSC meliputi kawasan Kuala Lumpur City Centre hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, Selangor.

Kawasan berkenaan menawarkan pelbagai insentif kepada pertumbuhan industri dan teknologi multimedia, khususnya tapak percubaan penggunaan produk dan perisian multimedia dan teknologi maklumat (IT) di negara ini.

Cyberjaya yang terletak kira-kira 40 kilometer di selatan Kuala Lumpur adalah komponen utama dan teras pembangunan MSC yang dibangunkan di atas kawasan seluas 2,800 hektar.

Bandar raya ini dibina berdasarkan konsep mesra alam sesuai dengan fungsinya sebagai tempat untuk melahirkan tenaga kerja berpengetahuan dan didiami tenaga kerja pakar dan profesional dalam pelbagai bidang pekerjaan, terutama IT, multimedia dan telekomunikasi.

Dalam lawatan kira-kira satu setengah jam di bandar raya itu, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah berpeluang meninjau kemajuan beberapa projek di kawasan sekitar Cyberjaya.

Ini termasuk Universiti Multimedia (MMU) dan NTT MSC Sdn Bhd, anak syarikat Nippon Telephone & Telegraph, antara projek yang dijangka dapat disiapkan lebih awal.

Sehingga kini, lebih 50 peratus pembangunan MMU berjaya disiapkan dan ia dijangka mula beroperasi Mei ini, manakala pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) NTT MSC Sdn Bhd dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Dalam lawatan itu, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah turut berpeluang menikmati suasana indah dan nyaman ketika bersantap di Cyberview Lodge, sebelum meneruskan lawatan ke pusat pentadbiran kerajaan yang baru, di Putrajaya.

(END)